

DATE: 4/6/2009

## Chin Peng tidak wajar pulang: Dr Mahathir



AFENDI MOHAMED | BERITA HARIAN

DR MAHATHIR (dua dari kiri) berbual dengan pemenang pertandingan menulis karangan Mengasah Minda Pemimpin Masa Depan 2008, sambil diperhatikan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali (tengah) di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam.

**P**UTRAJAYA: Kerajaan perlu bertegas dengan keputusannya untuk tidak membenarkan bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng, pulang ke negara ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata, keputusan tidak membenarkan bekas penganas itu pulang ke sini adalah mengambil kira perasaan rakyat.

“Terang-terangan, ramai rakyat yang tidak senang (dengan cadangan membenarkan kepulangan Chin Peng ke Malaysia), sehubungan itu kerajaan mesti memahami perasaan rakyat,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian hadiah Pertandingan Menulis Karangan Mengasah Minda Pemimpin Masa Depan 2008’ di sini, semalam.

Ditanya mengenai sesetengah pihak yang terus mendesak supaya Chin Peng dibenarkan pulang, Dr Mahathir berkata, mereka mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat.

“Kita mempunyai kebebasan untuk bercakap... mereka boleh cakap apa yang mereka suka tetapi semuanya bergantung kepada kerajaan untuk membuat keputusan,” katanya.